

## PEDAGOGI PENGAJIAN SYARIAH DI MALAYSIA: ANALISIS TERHADAP PENGALAMAN AKADEMI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI MALAYA

Sekiranya dilihat reformasi pengajian syariah di institusi pengajian tinggi Malaysia adalah amat memberangsangkan sekali sejajar dengan perkembangan arus globalisasi sekarang. Oleh yang demikian, demi memperkasakan reformasi pengajian syariah, kertas kerja ini akan cuba memperincikan pedagogi pengajian syariah serta perubahan paradigma pemikiran Islam di IPTA Islam Malaysia. Pada dasarnya kertas kerja ini lebih fokus kepada usaha tinjauan awal (*pilot studies*) daripada Projek UMRG (RG050/09HNE) yang bertajuk "*Pengajian Syariah di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia dan Indonesia: kajian perbandingan perspektif paradigma dan modul.*" Mengikut tema kajian yang lebih meluas ini, kajian ini disusun khusus mengandungi beberapa bahagian yang utama; *pertama*, pengenalan; *Kedua*, teori perubahan pedagogi dan paradigma pemikiran Islam dalam tajdid pendidikan Islam di Malaysia; *Ketiga*, tajdid pengajian Syariah di APIUM: analisis pedagogi dan *keempat*, rumusan dan kesimpulan.

oleh,

Prof. Madya Dr. Rahimin Affandi Abd. Rahim,  
Dr Hasanah Abd. Khafidz (Universiti Sains Malaysia)  
dan Norhayati Bt Md Dahlal  
Jabatan Fiqh dan Usul,  
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,  
Lembah Pantai 50603, Kuala Lumpur.  
Telepon : 03-79676080/ 012-3192177.  
Email : [faqir\\_ilia\\_rabbih@um.edu.my](mailto:faqir_ilia_rabbih@um.edu.my)  
[annur\\_1909@yahoo.com](mailto:annur_1909@yahoo.com)  
[hasanah@usm.my](mailto:hasanah@usm.my)

## PEDAGOGI PENGAJIAN SYARIAH DI MALAYSIA: ANALISIS TERHADAP PENGALAMAN AKADEMI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI MALAYA

### Pengenalan

Pada dasarnya kertas kerja ini merupakan hasil tinjauan awal (*pilot studies*) daripada Projek UMRG (RG050/09HNE) yang bertajuk “*Pengajian Syariah di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia dan Indonesia: kajian perbandingan perspektif paradigma dan modul.*” Berbanding dengan fokus asal kajian ini yang lebih luas, kertas kerja ini hanya akan memberikan fokus kepada isu pembaharuan pedagogi yang diamalkan oleh pihak APIUM. Bagi APIUM, pengajian syariah membabitkan empat jabatan yang utama : *Jabatan Fiqh Dan Usul, Syariah Dan Pengurusan, Syariah Dan Ekonomi Dan Syariah Dan Undang-Undang*. Kesemua jabatan ini memberikan tumpuan kepada soal perundangan Islam dari elemen kognitif, afektif dan psikomotor. Perlu ditegaskan, pembahagian jabatan di APIUM kepada bidang pengajian syariah dan usuluddin bukanlah bertujuan untuk membezakan kedua skop keilmuan Islam ini, tetapi ianya dibuat bagi tujuan pengkhususan bersesuaian dengan bidang kepakaran Islam. Lagipun, mekanisme integrasi di antara kedua bidang syariah dan usuluddin memang dilakukan, apabila pelajar dari kedua bidang ini digalakkan untuk mengambil mana-mana subjek pilihan daripada kedua bidang keilmuan ini di dalam setiap semester pengajian.

Jika dilihat kepada sejarah pengajian syariah silam, samada di kawasan Timur Tengah dan Malaysia sendiri, terbukti sekali pengajian syariah ini memang mengamalkan kurikulum dan pedagogi pengajian yang cukup efektif. Hal ini boleh dirujuk kepada Madrasah Nizamiyyah<sup>1</sup> dan institusi pengajian pondok.<sup>2</sup> Kedua institusi ini mampu membekalkan para graduan dan tenaga kerja-intelektual ummah (seperti kadi dan mufti) yang mampu berkhidmat secara efektif di dalam masyarakat. Sebagai contohnya, institusi pondok telah melahirkan serangkaian mufti di dalam Jemaah Ulamak Kelantan yang berwibawa dan mampu berkhidmat secara berkesan di dalam masyarakat Kelantan. Antara tokoh-tokoh utama yang sering dijadikan rujukan oleh kalangan mufti di negeri lain adalah Haji Nik Wan Daud Hj. Wan Sulaiman (1854-1907), Wan Ishak Imam Haji Abdullah (1875-1915), Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad (1874-1939), Haji Wan Muhammad Haji Abd. Samad (1868-1920), Dato' Haji Che' Idris Haji Che' Hassan (1882-1927), Dato' Haji Ibrahim Haji Muhammad Yusof (1871-1955), Dato' Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail al-Azhari (1904-1968), Dato' Haji Muhammad Noor Haji Ibrahim, Dato' Haji Ismail bin haji Yusof (1915-1988), Dato' Haji Muhammad bin Che' Wok (1936-1990) dan sebagainya.<sup>3</sup> Sumbangan bermakna yang pernah diberikan oleh tokoh-tokoh ini amat besar sekali, khususnya di dalam membuktikan bagaimana aliran tradisionalism mampu menyediakan jawapan terbaik untuk menyelesaikan masalah umat Melayu-Islam berhadapan dengan pemodenan.

Namun demikian, hasilnya institusi pengajian syariah ini, termasuklah IPT aliran Islam telah mula dilanda dengan budaya Taqlid sehingga menyebabkan ianya menjadi semakin jumud dan *out of dated*. Di zaman selepas merdeka, khususnya di era tahun 1970-1990an, usaha reformasi IPT Islam telah dijalankan oleh pihak kerajaan. Atas dasar ini, kertas kerja ini bakal meneliti kesemua langkah-langkah reformasi ini, termasuklah elemen positif dan juga negatif – dengan merujuk khusus kepada pengalaman APIUM.

---

<sup>1</sup> Rahimin Affandi Abd Rahim (2005) , “ Pendekatan Pluralisme dalam pengajian Islam : Satu pengenalan “dalam *Jurnal KATHA*, Pusat Dialog Peradaban UM, v. 2.

<sup>2</sup> Abdullah. Ishak, Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia, Kuala Lumpur : DBP, 1995, H.. 212-218; Abdul Rashid Ah.mad, Kedudukan Pondok Dalam Masyarakat Di Kelantan, Tesis B.A. Universiti Malaya, 1966, h. 23-24; Shafie Abu Bakar (1994), “ Keilmuan Islam Dan Tradisi Pengajian Pondok “, Dalam *Budi Kencana*, Kuala Lumpur, h.104-111 dan Rahimin Affandi Abd. Rahim (2003), “Al-Quran Dan Peranan Ulamak Melayu Dalam Pemodenan Rantau Alam Melayu “, dalam Mohd Radzi Othman(ed.) *Warisan Al-Quran Dan Peradaban Manusia Siri 1*, Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, h.1-31.

<sup>3</sup> Lihat Noor Naemah Abd Rahman (2003), Fatwa Jemaah Ulamak Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an : Satu Analisis, Tesis PhD, Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM, h.163-185.

## **Landasan Teori Kajian<sup>4</sup>**

Sebagai kerangka asas, kajian ini akan mengemukakan dua teori utama yang berkaitan secara langsung dengan fokus kajian. *Pertama*, teori perubahan pedagogi untuk IPT dan komitmen pihak kerajaan di dalam usaha reformasi IPT. Para sarjana pendidikan menegaskan bahawa seandainya sesuatu IPT ingin terus kekal relevan berhadapan dengan keperluan zaman, ia perlu terbuka dan menerima perubahan ataupun penambahbaikian (termasuklah dalam soal pedagogi) yang berterusan. Teori ini menekankan peri pentingnya sesuatu ilmu ataupun disiplin agama itu perlu mempunyai asas-asas yang kukuh dalam soal ontologi (apa), epistemologi (bagaimana) dan aksiologi (untuk apa), sekiranya ilmu tersebut mahu bertahan lama menghadapi proses pemodenan.<sup>5</sup> Apa yang boleh dibanggakan, ketiga-tiga komponen ini memang wujud di dalam ilmu usul fiqh yang menjadi asas utama kepada pengajian syariah Islam. Seperti mana halnya IPT perlu melakukan proses *review* keberkesanan kurikulum dan pengurusan mereka setiap tiga ataupun lima tahun sekali seandainya mereka mahu kekal relevan,<sup>6</sup> pendekatan yang sama patut dilakukan oleh IPT Islam dan disiplin usul fiqh itu sendiri. Sekiranya kita ingin maju, tidak salah kiranya kita menerima pakai teori perubahan paradigma yang dikemukakan oleh Thomas Kuhn. Walaupun teori ini membabitkan disiplin ilmu sains, terdapat beberapa elemen yang memang relevan untuk bidang pengajian Islam. Mengikut Thomas Kuhn, apabila sesuatu paradigma ilmu itu telah mengalami anamoli (dipertikaikan kerana gagal menyelesaikan masalah), ianya perlu diubah dan diperbaiki untuk tujuan pemantapan agar ianya tetap relevan. Dengan cara ini, perkembangan ilmu akan sentiasa berkembang dan bukannya menjadi kaku dan statik.

Untuk konteks Malaysia semasa, proses perubahan ini didorong kerana beberapa faktor, antaranya;

- 1) Kajian kehendak pasaran terhadap kemampuan graduan IPT. Ianya membabitkan komentar pihak sektor kerja luar (awam dan swasta) terhadap kemampuan dan kesesuaian kurikulum pengajian yang diamalkan oleh sesuatu IPT.<sup>7</sup>
- 2) Perkembangan ICT moden yang telah memankinkan proses pembelajaran berkesan dapat dijalankan. Dahulunya, IPT aliran Islam hanya mengaplikasikan pedagogi pengajian dalam bentuk *khutbah* (satu hala) semata-mata, tetapi sekarang penggunaan multimedia yang canggih didapati lebih mampu dan berkesan untuk sesuatu pembelajaran. Ianya mampu membuat pelajar lebih memahami dan menghayati subjek yang diajar.<sup>8</sup>
- 3) Penemuan dan penciptaan pedagogi baru yang sentiasa berkembang. Antara lainnya ia terdiri daripada kaedah *Quantum learning*, PBL, *student oriented*, kaedah kritikal dan kreatif dan sebagainya.

Apa yang jelasnya, pihak KPT memang akur dengan kesemua faktor-faktor ini sehingga mendorong mereka memaksa program penambahbaikian IPT di Malaysia dijalankan. Apa yang membanggakan, ternyata sekali dokongan dan bantuan penuh daripada pihak kerajaan telah menyebabkan Malaysia menjadi pusat kecemerlangan akademik di rantau Asia. IPT/IPTS

---

<sup>4</sup> Antara lainnya, kita boleh mengatakan teori adalah falsafah untuk menyelesaikan sesuatu masalah, hukum ataupun ilmu yang telah diterima ramai mutu kesahihannya memandangkan ianya terhasil daripada penyelidikan ilmiah yang agak ketat.

<sup>5</sup> M. Amin Abdullah (1995), *Falsafah Kalam Di Era Postmodernism*, Yogyakarta : Pustaka Pelajar.

<sup>6</sup> Zaini Ujang (2009), *Mengangkasa Pengajian Tinggi*, Skudai : Penerbit UTM

<sup>7</sup> Maklumat lanjut boleh didapati dalam Nor Aini Ali, Azizi Che Seman dan Mohd. Yahya Mohd Hussin, “Kajian Guna Tenaga Sarjana Muda Syariah Dan Usuluddin (1996-2002)“- *Vote F F0378/2003B, APIUM*. Hal ini juga telah diusahakan oleh sekumpulan penyelidik dari USM, sila lihat Muhammad Syukri Salleh (2002), “Prospek Kerjaya Graduan Pengurusan Islam Di Malaysia“, dalam Wan Ab. Rahman Khudri Bin Wan Abdullah(ed.) *Pengurusan Islam: Konsep Dan Amalannya Di Malaysia*, Sintok : Penerbit UUM, h. 53-76.

<sup>8</sup> Nik Salida Suhaila bt Nik Saleh & Syahirah bt Abdul Shukor (2004), “ E-learning in Islamic Studies: Possibilities and Challenges in Malaysia “, dalam *Prosiding Islam : Past, Present And Future- International Seminar On Islamic Thoughts*, anjuran bersama Jabatan Usuluddin dan Falsafah, UKM dengan Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia, pada 7-9hb Disember 2004

Malaysia sering dijadikan model oleh negara luar<sup>9</sup> yang mendorong kedatangan sejumlah besar pelajar antarabangsa untuk menyambung pengajian mereka di Malaysia.<sup>10</sup>

Untuk konteks IPT aliran Islam, kita dapat mengesan bagaimana pihak kerajaan telah menjalankan dasar yang responsif dengan tuntutan NGO Islam bagi usaha penambahbaikan IPT Islam. Sebagai contohnya, beberapa orang sarjana reformis Melayu-Islam telah mengkritik kelemahan IPT Islam yang dikatakan mengamalkan sistem pengajian yang ketinggalan zaman. Ianya dirujuk kepada kandungan kurikulum dan pedagogi pengajian yang bersifat tradisional dan sudah tidak kondusif dengan realiti semasa.<sup>11</sup> Kesemua komentar yang diberikan oleh sarjana Islam ini telah diambilkira oleh pihak kerajaan sehingga melahirkan IPT Islam yang lebih cekap. Antara lainnya, hal ini boleh dirujuk kepada beberapa perkara yang utama;

- 1) Sebahagian besar daripada tokoh akademik yang menganut fahaman reformisme Islam dan terdidik daripada sistem pendidikan Timur Tengah dan barat telah diterima menjadi tenaga pengajar di IPT Islam. Mereka ini dikesan telah bertanggungjawab melakukan proses reformasi terhadap sistem pengajian keilmuan Islam di IPT Islam di Malaysia. Tambahan pula, kuasa autonomi untuk melakukan program penambahbaikan IPT Islam telah diberikan sepenuhnya oleh pihak kerajaan.<sup>12</sup>
- 2) Pihak KPT telah menetapkan peranan yang perlu dimainkan oleh pihak MQA. Setiap IPTA/IPTS yang mahu mendapat pengiktirafan daripada pihak KPT untuk beroperasi perlu mematuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak MQA. Hal ini menuntut mereka melakukan proses *review* terhadap elemen sistem pengurusan organisasi-fizikal, subjek dan pedagogi pengajian yang ditawarkan.
- 3) KPT telah memperkenalkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Pentinya pelan ini adalah untuk menetapkan setiap IPTA/IPTS terpilih melakukan program pengantarabangsaan. Ianya cuba untuk akur dengan kehendak THES yang berusaha melakukan penarafan terhadap IPTA di Malaysia. Antara lainnya, program pengantarabangsaan ini terdiri;<sup>13</sup>
  - a) Penggunaan petunjuk prestasi utama (KPI) dalam pengurusan dan sasaran kerja setiap organisasi.
  - b) Pelaksanaan autonomi dalam kalangan universiti terpilih dari segi tadbir urus dan kewangan.
  - c) Kepimpinan akademik yang lebih dinamik, *luwes* dan proaktif, terutamanya di peringkat jabatan.
  - d) Penekanan aktiviti akademik mestilah berpaksikan kepada penerbitan makalah dalam jurnal berwaspit ternama peringkat antarabangsa, yang diambilkira dari segi penilaian untuk kenaikan pangkat.
  - e) Pelantikan profesor ternama sebagai staf universiti yang turut dibiayai oleh agensi penyedia geran penyelidikan.
  - f) Peningkatan jumlah pelajar antarabangsa khususnya di peringkat ijazah lanjutan.
  - g) Peningkatan jumlah pensyarah berkelayakan phd dan mendapat status profesional atau bertauliah.

Apa yang jelasnya, dengan dasar ini, sebahagian IPTA di Malaysia, termasuklah yang terlibat di dalam pengajian syariah telah mengambil inisiatif untuk membangunkan institusi mereka.

<sup>9</sup> Zaini Ujang (2009), Mengangkasa Pengajian Tinggi, Skudai : Penerbit UTM

<sup>10</sup> Lihat Akh. Minhaji (2003), Masa Depan Pembidangan Ilmu Di Perguruan Tinggi Agama Islam, Jogjakarta : Percetakan Ar-Ruzz Jogjakarta, h. 62-80.

<sup>11</sup> Mohammad Azam Mohammad Adil (1994), "Pengajian Undang-Undang Islam Di Pusat Pengajian Tinggi – Amalan Di ITM", dalam *Jurnal Tasawwur Islam*, v. 3, 1994, h. 75-84; Abdul Aziz Bari (1999), "Legal Education And Islamization", dalam *IIUM Law Journal*, v. 7, no. 1, 1999, h.83-94; Rahimin Affandi Abd. Rahim dan Idris Awang (2003), "Usaha Memperkasakan Institusi Pendidikan Islam Di IPTA Malaysia : Satu Analisa Terhadap Pengalaman APIUM", dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan*, Anjuran Fakulti Pendidikan UTM, Johor Bharu.

<sup>12</sup> Fred R. Von Der Mehden (1993), Two Worlds Of Islam: Interaction Between Southeast Asia And The Middle East, Florida.

<sup>13</sup> Zaini Ujang (2009), Mengangkasa Pengajian Tinggi, Skudai : Penerbit UTM

Teori *kedua* adalah membabitkan paradigma pemikiran Islam dalam pendidikan Islam di Malaysia. Teori ini menekankan kemampuan kognitif berfikir yang dimiliki oleh seseorang manusia. Mengikut teori ini harga diri ataupun nilai hidup ataupun mati seseorang manusia ditentukan oleh nisbah penggunaan akal fikirannya. Akal yang sihat merupakan pra syarat utama seseorang itu dikenakan kewajiban melakukan perintah agama (taklif syarak). Setiap manusia dari kapasiti apa sekalipun pasti akan melakukan aktiviti berfikir bagi tujuan menyelesaikan masalah dan berinteraksi dengan persekitaran. Atas dasar ini, agama Islam amat mementingkan penjagaan elemen fizikal dan spiritual akal manusia ini. Ianya perlu dipandu dengan proses belajar seumur hidup samada melalui pembelajaran ilmu agama dan bukan agama mahupun melalui pengalaman hidup seharian. Bagi memastikan agar aktiviti berfikir yang sihat untuk kepentingan diri dan masyarakat, Islam telah menegaskan bahawa aktiviti berfikir ini dikategorikan sebagai suatu perbuatan manusia. Untuk itu, ia pasti terangkum dalam lima nilai yang utama iaitu harus, haram, sunat, wajib dan makruh.<sup>14</sup>

Demi untuk mengatur proses berfikir yang sihat, sarjana Islam telah menekankan pemahaman yang mendalam terhadap tiga elemen utama;<sup>15</sup>

- 1) *World-view* - pandangan manusia tentang diri, alam dan kehidupan. Ianya ditentukan oleh agama, budaya, falsafah dan perkembangan sain dan teknologi yang secara langsung mempengaruhi sikap dan tindakan seseorang.
- 2) Epistemologi - isu asal usul, sumber , tahap kebenaran dan manfaat ilmu.
- 3) Paradigma - model berfikir secara sistematis bagi mendapatkan kebenaran yang dipersetujui bersama oleh kalangan ilmuan yang berotoriti.

Elemen (1) dan (2) memanglah diakui bersifat kekal dan tidak boleh berubah. Hal ini tidak berlaku kepada elemen ke (3). Ianya perlu selalu diulangkaji dan sedapat mungkin perlu sentiasa diperbarui. Jika dibandingkan dengan perseptif barat, diakui bahawa elemen *world-view* dan epistemologi mereka agak lemah kerana terpengaruh dengan fahaman sekularisme yang menafikan agama. Namun begitu, jika dilihat kepada elemen paradigma, ternyata sekali mereka cukup *advance* kerana mempercayai elemen paradigma ini terbuka dan perlu sentiasa diperbaiki dengan menjalankan penyelidikan ilmiah yang berterusan. Mengikut Thomas Kuhn, kemajuan keilmuan manusia hanya boleh dicapai melalui pendekatan revolusi iaitu dengan melakukan kajian mendalam dan kritikal terhadap paradigma silam yang merangkumi aspek sudut pandangan, sumber otoriti dan metodologi yang digunakan.<sup>16</sup> Lebih lanjut lagi, seseorang itu dilihat lebih condong untuk berpegang dengan paradigma pemikiran lama yang berhasil akibat perangkap intelek, sosiologi masyarakat dan pembacaan. Bagi memastikan hal ini tidak berlaku seseorang sarjana itu perlu menggunakan paradigma filsafat - bersikap lebih kritikal dan analitikal di samping perlu memperluaskan lagi wawasan pemikirannya melalui pembacaan ataupun pembelajaran yang lebih meluas.<sup>17</sup>

Hal ini tidak berlaku kepada penganut Islam. Ini kerana mereka cenderung untuk menganggap bahawa sesuatu paradigma itu bersifat kekal dan tidak boleh berubah. Hal ini timbul disebabkan oleh dominasi *taqlid* yang begitu mempengaruhi pemikiran umat Islam. Seandainya diteliti secara mendalam, kita akan mendapati bagaimana terdapat dua bentuk paradigma berfikir yang ditetapkan oleh metodologi Islam. Ianya membabitkan isu ibadat yang tidak boleh berubah sama sekali paradigmnya, dan isu muamalah yang menerima perubahan paradigm selama mana ianya tidak bertentangan dengan elemen *world-view* Tauhid.

Isu perbezaan paradigma ini boleh dirujuk kepada perbezaan yang jelas di antara syariah dan sistem fiqh. Perkataan syariah biasanya digunakan untuk merujuk kepada keseluruhan ajaran

<sup>14</sup> Rahimin Affandi Abd Rahim (2002), “ Memperkasakan Budaya Berfikir Islam : Satu Analisa “, dalam *Jurnal Afkar*, bil. 3, 2002, h. 57-80

<sup>15</sup> Lihat Mona Abdul-Fadl (1989), *Paradigms In Political Science Revisited*, Herndon : AMSS & IIIT.

<sup>16</sup> E.G. Singgih (2005), “ Kuhn Dan Kung : Perubahan Paradigma Ilmu Dan Dampaknya Terhadap Teologi Kristen “, dalam Zainal Abidin Baqir(ed.), *Integrasi Ilmu Dan Agama : Interpretasi Dan Aksi*, Yogyakarta : UIN dan SUKA press, h. 56-61.

<sup>17</sup> Maimunah Osman, (2004), Kemahiran Berfikir, Kuala Lumpur: INTAN, h. 71- 72., Lihat juga, Abdul Majid An- Najar, (2002), *Kebebasan Berfikir Dalam Islam*, Jakarta: Pustaka Firdaus, h. 57- 58.

Islam<sup>18</sup> yang menyebabkan ianya menjadi sinonim dengan perkataan *al-Din* dan *Millah*, yang biasanya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai agama.<sup>19</sup> Atas dasar ini syariah adalah merupakan himpunan hukum dan kehendak Allah yang ditetapkan di dalam al-Quran dan al-Sunnah<sup>20</sup> yang kemudiannya secara pasti mempunyai beberapa elemen yang khusus,<sup>21</sup> (i) bersifat sangat murni dan tidak mengandungi apa-apa cacat cela (*muqaddas*), (ii) kebenarannya adalah bersifat mutlak dan tanpa syarat, (iii) cakupannya adalah lengkap dan komprehensif (*syumul*) dan (iv) kuatkuasanya adalah bersifat alami iaitu universal, abadi dan kekal untuk selama-lamanya.

Berbanding dengan konsep syariah, konsep fiqh adalah merujuk kepada usaha pemahaman dan penafsiran seseorang fuqaha terhadap sumber syariah (al-Quran dan al-Sunnah) bagi membuat kesimpulan hukum dengan menerima pakai kaedah perundangan Islam.<sup>22</sup> Atas dasar inilah ianya bersifat relatif yang diungkapkan sebagai;

*“ aspek fiqh atau kefahaman ini telah memberi sifat dan warna yang tersendiri kepada umum. Meskipun semua hukum Islam itu pada hakikatnya khitab Allah yang dizahirkan melalui wahyu, namun sebagai yang difahami oleh fuqaha ia sudah mengandungi unsur lain yang di luar khitab itu sendiri iaitu mentaliti dan keilmuan fuqaha berkenaan, persekitaran di mana hukum itu difahami dan banyak lagi. Dengan kata lain, ia tidak semestinya muqaddas, mutlaq, syumul dan abadi.”<sup>23</sup>*

Jelasnya, berdasarkan jurang perbezaan ini, seseorang fuqaha dibenarkan untuk bersikap kritikal, *review* dan bebas samada hendak menerima pakai ataupun sebaliknya terhadap kandungan sesuatu karya fiqh Islam.<sup>24</sup> Pandangan ini bertepatan dengan gerakan tajdid (pembaharuan) yang bertujuan untuk menilai secara kritikal warisan karya fiqh silam dan mengemaskinikan pandangan-pandangan fiqh yang berupa penyelesaian masalah masa kini yang dihadapi oleh masyarakat secara Islamik, berteraskan hukum-hukum Islam serta memperluaskan operasi hukum supaya dapat bertindak sebagai agen pengawal kepada segenap aspek kehidupan manusia.<sup>25</sup> Dengan kata lain, gerakan tajdid ini bertindak untuk mengerakkan fiqh Islam secara dinamis supaya dapat berjalan seiring dengan perubahan keadaan manusia yang disebabkan oleh faktor perubahan masa dan tempat.<sup>26</sup> Namun begitu, perubahan yang dimaksudkan bukan bererti memodifikasi dan mengkoordinasikan sistem fiqh supaya berjalan seiring dengan pelbagai sistem yang ada tanpa melihat bagaimana ia beroperasi, bahkan tuntutan sebenar adalah mengerakkan fiqh supaya seiring dengan perubahan berdasarkan prinsip-prinsip dan lunas-lunas yang telah digariskan oleh syara’.<sup>27</sup>

Berasaskan kepada kedua-dua teori yang dikemukakan di atas, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa sistem pengajian syariah di Malaysia amat dinamis sifatnya. Ia sentiasa terbuka untuk diperbaharui agar sesuai dengan kehendak zaman yang sentiasa berubah. Selain daripada didokong dengan komitmen pihak kerajaan sendiri, pengajian syariah turut mempunyai pemahaman yang jitu dan holistik dengan konsep tajdid. Konsep ini memungkinkan pengajian syariah melakukan proses muhasabah diri (*reviewing*) dengan merujuk kepada intipati sumber wahyu (al-Quran dan al-Sunnah) dan keperluan zaman.<sup>28</sup>

<sup>18</sup> Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2005), “ Pengajian syariah : Suatu pentakrifan “, Kuala Lumpur: al-Bayan, h.1-2.

<sup>19</sup> Ibid.

<sup>20</sup> Maududi (1975), The Islamic Law And Constitution, Lahore, h. 69; Muhammad Asad (1961), The Principles Of State And Government In Islam, Los Angeles, h.13.

<sup>21</sup> Mahmood Zuhdi Ab. Majid (2005), “ Hukum Islam semasa bagi masyarakat Malaysia yang membangun “, Kuala Lumpur: Penenrbit UM, h. 2-3.

<sup>22</sup> Ibid, hlm 4-5.

<sup>23</sup> Ibid.

<sup>24</sup> Mohd Daud Bakar (2001), “ Hukum Islam Semasa : Antara prinsip Syariah dan Perbendaharaan Fiqh “, dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur: Penerbit APIUM, h. 29-37.

<sup>25</sup> Muhammad Said Busytami (19840, Mafhum Tajid Al-Din, Kuwait, h. 29-30.

<sup>26</sup> Muhammad Abbas Husni (1996), Perkembangan Fiqh Islam, dalam Mohd Asri Hashim (terj.), Kuala Lumpur, h. 234-235.

<sup>27</sup> Ibid.

<sup>28</sup> Amir Mualim (2006), Ijtihad Dan Legislasi Muslim Kontemporer, Yogyakarta : UII Press, h.. ix-xiii

## Tajdid Pengajian Syariah Di APIUM: Analisis Pedagogi

### Elemen Positif

Berasaskan kepada semangat tajdid yang lebih bersifat progresif, APIUM telah memahami keperluan dunia global dan telah cuba untuk melakukan reformasi (tajdid) yang lebih bersifat menyeluruh terhadap sistem pengajian keilmuan Islam semasa.<sup>29</sup> Merujuk khusus kepada perubahan pedagogi yang telah dilaksanakan oleh APIUM, tiga aspek utama telah diberikan penekanan; *aspek pedagogi pembelajaran, kandungan subjek yang ditawarkan dan penilaian pendidikan syariah*. Dalam aspek perubahan pedagogi pembelajaran, tiga kaedah utama telah diterapkan, merangkumi:

**Pertama**, menerapkan dua kaedah pedagogi baru iaitu kaedah PBL (*Problem Based Learning*) dan kaedah kemahiran berfikir dan berkomunikasi (bahasa Arab dan Inggeris) yang boleh menjanjakan daya kritikal dan kebolehan menyelesaikan masalah semasa kepada pelajar. Berasaskan kepada laporan kelemahan pelajar IPTA semasa amnya dan IPTA Islam khususnya, yang dikatakan mempunyai kelemahan berfikir dan berkomunikasi yang betul,<sup>30</sup> serta kemudian lulusan IPTA ini gagal memenuhi pasaran pekerjaan (*job market*). Oleh itu, pihak Universiti Malaya telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan kaedah PBL ini. Kaedah ini yang biasanya dipakai untuk pelajar bidang perubatan, yang kononnya mampu melatih para pelajar menjadi pekerja yang boleh menganalisa setiap masalah yang timbul dalam bidang masing-masing serta menyertakan jalan penyelesaian masalah terbaik untuk masalah tersebut.<sup>31</sup>

Sebagai contoh, kaedah dan pendekatan PBL ini telah digunakan dalam subjek hukum Islam, yang memerlukan empat langkah yang utama;

- 1) Pelajar akan didedahkan dengan kerangka konsep dan senarai buku rujukan yang berautoriti untuk sesuatu subjek khusus yang diajar.
- 2) Pendedahan tentang senario sesuatu masalah Islam sebenar akan dibentangkan untuk diselesaikan secara berkumpulan oleh pelajar, contohnya seperti membabitkan sesuatu fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia (JFKM).
- 3) Pelajar perlu melakukan penyelidikan secara holistik terhadap sesuatu masalah yang diberikan, yang tentunya membabitkan pelbagai disiplin ilmu moden yang lain. Sebagai contohnya, pelajar terpaksa melihat latar belakang realiti sebenar sesuatu masalah itu timbul dan juga perlu menganalisis secara kritikal kandungan fatwa yang dikeluarkan oleh JFKM, sama ada iaanya bersesuaian dengan prinsip *Maqasid al-Shariah* dan realiti di Malaysia.
- 4) Hasil penyelidikan pelajar ini akan dibentangkan di dalam kelas yang bakal dinilai oleh pelajar lain dan pensyarah itu sendiri.

Kaedah *PBL* ini bertepatan dengan tuntutan agenda pendidikan untuk dunia global semasa yang menghendaki pensyarah dan pelajar perlu berinteraksi dalam kontek yang lebih terbuka dan kritikal.

**Kedua**, mengaplikasi paradigma pengajaran bersifat interaktif. APIUM masih menggunakan bentuk pengajaran kuliah (satu hala) dan pendekatan tutorial (dua hala). Falsafah pedagogi pengajaran bentuk baru (Islah - tidak menolak semua elemen tradisi) ini dirangka dengan mengubahsuai paradigma pendidikan tradisional, seperti:

- 1) Pendekatan *student-oriented* menggantikan pendekatan *teacher-oriented (banking concept)*. Kedua belah pihak iaitu guru dan pelajar perlu berinteraksi dalam kontek yang lebih terbuka dan kritikal. Dalam soal ini, pendekatan pembelajaran yang berbentuk *banking concept* dan *teacher-oriented* perlu dijauhkan. Hal ini kerana pendekatan *banking concept* yang biasanya digunakan dalam paradigma taqlid, iaanya menafikan kreativiti seseorang pelajar dalam mengupas sesuatu

<sup>29</sup> Hal yang lebih lanjut boleh didapati dalam Rahimin Affandi Abdul Rahim (2000), “Konsep Fiqh Malaysia Untuk Tamadun Alam Melayu Alaf Baru: Suatu Analisa Tentang Kepentingannya”, dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, bil. 10, 2000.

<sup>30</sup> Untuk maklumat lanjut sila lihat Mohamad Mohsin Mohamad (2000) , “Kemahiran Berfikir Di Alaf Baru”, dalam Abdul Latif Samian dan Mohamad Sabri Haron(ed.), *Pengajian Umum Di Alaf Baru*, h. 195-204.

<sup>31</sup> Lihat sebagai contohnya Rahimin Affandi Abd. Rahim (2002), “Memperkasakan Budaya Berfikir Islam: Satu Analisa ”, dalam *Jurnal Afskar*, bil. 3, 2002, h.57-80.

persoalan. Manakala paradigma *teacher-oriented* pula merujuk kepada pendekatan yang terlalu bergantung kepada guru sehingga melupakan peranan yang perlu dimainkan oleh seseorang pelajar. Lebih tepat lagi, pelajar perlu bertindak dengan lebih proaktif di dalam kajianya dan menganggap gurunya hanya sebagai pembimbing dan fasilitator semata-mata.<sup>32</sup>

- 2) Pendekatan yang menggalakkan pensyarah-mahasiswa menggunakan kemahiran *ICT* moden (*Virtual studies*) seperti pencarian maklumat pengajian melalui laman web dan persempahan pengajaran-tutorial menggunakan peralatan *ICT*.<sup>33</sup> Ringkasnya, tugas guru mula tercabar dengan arus *virtual studies* ini.<sup>34</sup> Sebaik mungkin pihak APIUM cuba mengelakkan impak negatif daripada pendekatan *virtual studies* ini, yang antara lainnya dilihat telah menimbulkan rasa kurang hormat pelajar terhadap seseorang guru<sup>35</sup> ataupun merendahkan peranan guru untuk menerapkan pendidikan moral (*spiritual touch*) kepada pelajar.<sup>36</sup> Sikap yang terlalu mengagungkan pendekatan *E-learning* (terlalu bergantung kepada komputer di dalam pengajaran semua bentuk keilmuan moden) bakal mencacatkan peranan pendidikan insan yang sepatutnya dimainkan oleh seseorang pendidik. Jelasnya, secanggih manapun sebuah komputer itu, ianya mustahil untuk memainkan fungsi *spiritual touch* yang boleh membentuk kesedaran akhlak kepada seseorang pelajar.<sup>37</sup>

**Ketiga**, bagi memperkasakan lagi mutu alumni APIUM untuk menghadapi realiti alam pekerjaan. Pelbagai perkara yang menyerupai program latihan industri ataupun perkongsian pintar (*smart Partnership*) telah dijalankan, membabitkan pelbagai agensi, badan dan sektor kerjaya yang berkaitan dengan perkhidmatan perundangan Islam. Antara agensi ini adalah pejabat mufti, mahkamah syariah, majlis dan pejabat Agama Islam setiap negeri di Malaysia, YADIM (Yayasan Dakwah Islam Malaysia), bank-bank yang menawarkan sekim produk kewangan Islam dan sebagainya. Program latihan industri/*smart partnership* ini terbahagi kepada beberapa jenis;

- 1) Program yang mewajibkan seseorang pelajar untuk berkhidmat sama ada sebagai pekerja sukarela ataupun pembantu di agensi terbabit yang dijalankan semasa cuti semester APIUM. Dengan cara ini, seseorang pelajar bakal didedahkan dengan *modus operandi*, elemen kekuatan dan kelemahan yang dimiliki oleh sesebuah agensi yang terbabit. Terdapat beberapa kes (kasus) tertentu yang menunjukkan beberapa agensi yang terlibat dalam latihan industri ini telah mengambil pelajar terbabit apabila tamat belajar untuk bekerja di agensi tersebut.
- 2) Program/ bengkel dalam bentuk *in house training* – pakar-pakar awam dan swasta yang terlibat dalam perkhidmatan perundangan Islam, akan dijemput untuk memberikan maklumat tentang program yang dijalankan oleh agensi yang terbabit.
- 3) Program mut (*moot*) mahkamah syariah (mahkamah latihan bagi mahasiswa dalam bidang Syariah dan Undang-undang) yang mewajibkan pelajar bertindak sebagai peguambela dan pendakwaraya untuk membincangkan sesuatu kes tertentu. Pada kebiasaananya, program ini akan dihadiri dan diadili oleh pakar penguam syar'i daripada luar - bakal mendedahkan mahasiswa tentang bagaimana menjalankan sesuatu perbicaraan kes di mahkamah Syariah secara lebih tersusun dan matang.

---

<sup>32</sup> Maklumat lanjut boleh didapati dalam Abuddin Nata (2004), *Sejarah Pendidikan Islam: Pada Periode Klasik Dan Pertengahan*, Jakarta: Rajawali Press, h. 20-22.

<sup>33</sup> Nik Salida Suhaila bt Nik Saleh & Syahirah bt Abdul Shukor (2004), “E-learning in Islamic Studies: Possibilities and Challenges in Malaysia”, dalam *Prosiding Islam: Past, Present and Future- International Seminar on Islamic Thoughts*, anjuran bersama Jabatan Usuluddin dan Falsafah, UKM dengan Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia, pada 7-9hb. Disember 2004.

<sup>34</sup> Norsaidatul Akmar Mazelan dan Mohd. Fauzan Noordin (1999), “ Manpower And Training Issues In Relation To The Development Of The Multimedia Super Corridor “, dalam Abu Bakar Abdul Majeed(ed.), *Multimedia Dan Islam*, Kuala Lumpur : IKIM, h. 175-192.

<sup>35</sup> Hal ini turut menyebabkan masalah stress yang tinggi dikalangan guru, lihat M. Smith dan S. Bourke (1992), Teacher Stress; Examining A Model Based On Context, Workload And Satisfaction, *Dalam Teaching And Teacher Education*, v. 8, 1992, h. 31-46.

<sup>36</sup> H. Abuddin Nata (2001), *Perspektif Islam Tentang Pola Hubungan Guru-Murid: Studi Pemikiran Tasawuf Al-Ghazali*, Jakarta : PT Raja Grafindo Persada, h. 5-8.

<sup>37</sup> Ibid, h.23-40.

Manakala dalam aspek kandungan subjek yang ditawarkan pula, APIUM menerapkan pendekatan yang lebih bersifat bersepada dan integrasi antara ilmu Islam dan sekular. Pelbagai langkah telah dilakukan bagi merealisasikannya, seperti;

**Pertama**, pendekatan yang memperkenalkan subjek yang menunjukkan perkaitan antara Islam dengan persoalan dan disiplin moden iaitu merangkumi subjek ekonomi, pengurusan, perundangan, pentadbiran awam dan sebagainya. Subjek-subjek ini dapat membiasakan pelajar dengan subjek keilmuan moden yang biasa dipakai dalam realiti kehidupan semasa.<sup>38</sup>

**Kedua**, pendekatan yang menggalakkan pelajar APIUM untuk mengikuti pelbagai subjek luar APIUM yang ditawarkan oleh pelbagai fakulti yang berbeza di UM. Bagi pelajar APIUM yang mengambil kursus teras (*core subject*) pengajian Islam, golongan ini telah digalakkan untuk mengambil kursus elektif luar di fakulti Sains, Kejuruteraan, Sains Sukan dan sebagainya. Mengikut pengamatan semasa, di antara subjek elektif luar yang amat diminati oleh pelajar APIUM kebanyakannya terdiri daripada subjek (i) S & T (Sains & Teknologi) dan Masyarakat, (ii) Isu-isu Alam Sekitar, (iii) Falsafah Sains, (iv) Sejarah dan Falsafah Sains Sains dan Teknologi dalam Dunia Islam Semasa, (v) Sains Pemerosesan Makanan, (vi) Sains Flora dan Fauna, (vii) Epistemologi dan Perspektif Ilmu dan (viii) Falsafah Sains Perbandingan.

**Ketiga**, menekankan subjek keagamaan Islam yang lebih menjuruskan kepada realiti semasa di Malaysia dan bukannya bertumpu kepada realiti di luar Malaysia (Timur Tengah) daripada zaman pertengahan silam. Hal ini boleh dilihat daripada usaha memperkenalkan subjek Fiqh Malaysia (Fiqh Kontemporari) di dalam kurikulum pengajian Syariah di peringkat ijazah pertama dan Pascasiswazah.<sup>39</sup> Gagasan Fiqh Malaysia tempatan ini adalah bagi menyediakan jawapan kepada penyelesaian Islam untuk permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat Malaysia semasa dan bukannya bergantung kepada warisan Fiqh silam yang tidak bersesuaian dengan realiti masyarakat Malaysia semasa.<sup>40</sup>

Merujuk khusus kepada kaedah penilaian pendidikan syariah, proses penilaian terhadap keberkesanan program studi di APIUM amat dititikberatkan, memandangkan ianya merupakan syarat ataupun piawaian utama yang ditetapkan oleh Standard Pensijilan MS ISO 9001: 2000. Hal ini membabitkan tujuh bentuk penilaian yang utama. Dua daripadanya membabitkan penilaian terhadap pencapaian pelajar dan lima perkara pula membabitkan pencapaian pensyarah dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh APIUM;

- 1) Peringkat ijazah pertama– penilaian dibuat berdasarkan keputusan nisbah peratus peperiksaan akhir 60% dan kerja projek/ tutorial 40% (kehadiran, penglibatan aktif dan pembentangan kertas kerja)
- 2) Penilaian mutu pengajaran seseorang pensyarah yang bakal dinilai oleh setiap pelajar sama ada di peringkat ijazah pertama ataupun pasca ijazah, menggunakan suatu borang penilaian yang agak ketat.
- 3) Peringkat pasca ijazah– penilaian terhadap sesuatu disertasi dan tesis dibuat oleh tiga orang pakar yang bakal meneliti secara mendalam soal metodologi kajian, persempahan tesis dan analisis kajian secara keseluruhan.
- 4) Penilaian keberkesanan program pengajaran dan perkhidmatan yang dijalankan oleh APIUM, yang bakal dinilai oleh sejumlah auditor daripada fakulti luar dari APIUM. Antara skop utama penilaian adalah sama ada APIUM mengamalkan pendekatan penambahbaikan yang berterusan ataupun tidak, setelah ianya mendapat pengiktirafan Pensijilan MS ISO 9001: 2000.
- 5) Penilaian keberkesanan program pengajaran APIUM secara keseluruhan, sama ada ianya bersesuaian dengan kontek keperluan pembangunan Malaysia semasa ataupun tidak. Ianya dilakukan oleh sebuah jawatankuasa khusus yang dianggotai oleh pelbagai pakar dalam pelbagai bidang keilmuan, khususnya bidang studi Islam. Sebagai contoh, Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM telah mengadakan bengkel khusus yang menerangkan tentang kepentingan proses *reviewing*

<sup>38</sup> Lihat Idris Awang (1995), “Perkembangan Pengajaran Di Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya ”, dalam *Jurnal Syariah*, v.3, bil. 2, 1995, h. 301-307.

<sup>39</sup> Maklumat lanjut boleh didapati dalam *Buku Panduan Program Ijazah Dasar APIUM Tahun Akademik 1999/2000*.

<sup>40</sup> Lihat Rahimin Affandi Abd. Rahim (2003), “Konsep Fiqh Malaysia Untuk Tamadun Alam Melayu Alaf Baru: Suatu Analisa Tentang Kepentingannya”, dalam *Jurnal Pengajaran Melayu*, bil. 10, 2003.

dilakukan terhadap kaedah pengajaran ilmu *usul al-fiqh*, pada 16hb. Jun 2005, bertempat di Balai Ilmu, APIUM.

- 6) Penilaian terhadap mutu kompetensi yang dimiliki oleh alumni APIUM dilihat dari segi sektor pekerjaan yang diceburi dan pandangan majikan mereka.<sup>41</sup>
- 7) Penilaian kenaikan pangkat seseorang pensyarah kepada status yang lebih tinggi - dinilai daripada sumbangan pensyarah terbabit dari segi (i) keterlibatan dalam aktiviti pentadbiran, (ii) penerbitan buku dan artikel ilmiah, (iii) khidmat konsultasi dengan pihak luar, (iv) nisbah penyelidikan ilmiah dan (v) keterlibatan dalam pembentangan kertas kerja di peringkat seminar dalam dan antarabangsa.<sup>42</sup>

### **Elemen Negatif**

Kita dapat mengesan beberapa elemen kelemahan daripada usaha tajdid IPTA amnya dan pengajian syariah khususnya. Ianya membabitkan aspek struktural dan fungsional (peranan pensyarah) yang gagal berfungsi dengan baik bagi mendokong usaha tajdid yang telah dijalankan. Hal ini boleh dilihat daripada beberapa perkara;

*Pertama*, tindakan pihak pengurusan tertinggi Universiti Malaya menerima makalah dalam pengantarabangsaan Universiti Malaya yang agak keterlaluan. Ini kerana pihak pengurusan tertinggi Universiti Malaya kelihatan terpaksa mengejar kedudukan (*ranking*) agar dinaikkan di kalangan 100 universiti terbaik di dunia. Dasar ini mewajibkan setiap kakitangan akademik di dalam petunjuk prestasi utama (KPI) menerbitkan makalah dalam jurnal berwasit ternama di peringkat antarabangsa. Hal yang sama turut ditekankan sekiranya seseorang pensyarah ingin dinaikkan pangkat. Jurnal yang berwasit ini disyaratkan mesti tergolong dalam mesin pencarian data *ISI Web Of Knowledge*; jurnal berimpak tinggi yang bakal dirujuk dan dipetik (*citation*) oleh kalangan pakar di seluruh dunia. Tindakan ini boleh dikatakan agak ekstrim berdasarkan kepada beberapa sebab yang utama;

- 1) Pengkalan data *ISI Web Of Knowledge* ini yang berjumlah 10,000 jurnal berimpak tinggi hanya menerima makalah ilmiah berbahasa Inggeris dan tidak di dalam bahasa lain, seperti bahasa Arab dan Melayu. Ianya juga dikritik kerana lebih terhad kepada kajian ilmiah yang dihasilkan oleh sarjana Eropah dan Amerika Utara. Kelemahan ataupun lakuna data *ISI Web Of Knowledge* ini memang terbukti apabila ianya telah disaingi oleh pengkalan data *scopus*. Apa yang jelasnya, *scopus* telah memperluaskan cakupan jurnal-jurnalnya merangkumi bahasa selain daripada bahasa Inggeris dan daripada kawasan di luar Eropah dan Amerika utara.<sup>43</sup>
- 2) Ianya lebih berorientasikan kepada bidang kajian sains, kejuruteraan dan perubatan.
- 3) Nisbah kajian berimpak tinggi yang ditakrifkan oleh pihak *ISI Web Of Knowledge* agak dangkal kerana ianya hanya akan dirujuk oleh sebilangan kecil pakar dalam bidang yang khusus semata-mata. Sedangkan karya-karya ilmiah dalam bentuk buku, prosiding dan jurnal tempatan sendiri biasanya akan sering dirujuk secara meluas oleh pelbagai kalangan kumpulan sasar. Maknanya, karya-karya ini walaupun tidak dikategorikan sebagai berimpak tinggi oleh *ISI Web Of Knowledge*. Pada hakikatnya lebih berimpak tinggi memandangkan ianya dijadikan rujukan asas oleh pelajar, sarjana, masyarakat awam dan pengubal dasar di Malaysia.<sup>44</sup>
- 4) Senarai jurnal bidang pengajian Islam yang tergolong di dalam *ISI Web Of Knowledge* rata-ratanya mengamalkan pendekatan orientalism yang bersifat *reductionist*. Ianya berdasarkan paradigma

---

<sup>41</sup> Maklumat lanjut boleh didapati dalam Nor Aini Ali, Azizi Che Seman dan Mohd. Yahya Mohd Hussin, “Kajian Guna Tenaga Sarjana Muda Syariah Dan Usuluddin (1996-2002)“- *Vote F F0378/2003B, APIUM*. Hal ini juga telah diusahakan oleh sekumpulan penyelidik dari USM; sila lihat Muhammad Syukri Salleh (2002), “Prospek Kerjaya Graduan Pengurusan Islam Di Malaysia“, dalam Wan Ab. Rahman Khudri Bin Wan Abdullah(ed.) *Pengurusan Islam: Konsep Dan Amalannya Di Malaysia*, Sintok : Penerbit UUM, h. 53-76.

<sup>42</sup> Lihat Rahimin Affandi Abd. Rahim dan Idris Awang (2003), “Usaha Memperkasakan Institusi Pendidikan Islam Di IPTA Malaysia: Satu Analisa Terhadap Pengalaman APIUM“, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan, Anjuran Fakulti Pendidikan UTM, Johor Bharu*.

<sup>43</sup> Zaini Ujang (2009), Mengangkasa Pengajian Tinggi, Skudai : Penerbit UTM,, h. 220-221.

<sup>44</sup> Ibid, h. 223.

orientalism klasik yang memandang agama Islam dengan pandangan yang agak sinikal dan prajudis.<sup>45</sup>

- 5) Tindakan untuk akur dengan kehendak THES (badan yang terlibat di dalam penarafan universiti seluruh dunia) ini telah menyebabkan IPTA tempatan terjebak dengan penjajahan bentuk baru yang dibawa oleh fenomena globalisasi yang didominasi oleh kuasa barat. Pendekatan yang terlalu mendewa-dewakan bahasa Inggeris dan neraca penarafan THES yang kononnya lebih cekap dapat dianggap sebagai proses penaklukan budaya yang cukup merbahaya. Tindakan ini bakal menyebabkan keunggulan bahasa tempatan seperti bahasa Melayu akan terjejas teruk yang diulas oleh Hashim Musa sebagai;<sup>46</sup>
  - a) Nilai ekonomi bahasa Inggeris akan naik, statusnya akan meningkat dan seterusnya mengenepikan status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tidak lagi dihormati oleh rakyat jelata.
  - b) Proses pengintelektulan bahasa Melayu akan terbantut kerana tidak lagi digunakan sebagai bahasa pengantar ilmu tinggi dan tidak dapat berkembang selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan moden.
  - c) Peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan di Malaysia akan terjejas.
  - d) Penggunaan bahasa Inggeris secara cekap hanya terhad kepada segelintir penduduk elit yang tinggal di bandar (*town*) besar, sedangkan majoriti rakyat yang tinggal di kawasan pendalaman yang masih lemah menggunakan bahasa Inggeris akan tetap sama, yang menyebabkan jurang yang luas dalam soal ini akan menjadi semakin melebar.
- 6) Ianya dibuat mengikut kacamata dunia akademik Barat era globalisasi yang lebih berdasarkan kepada falsafah pendidikan utilitarian ala rasional ekonomi (*economism*)<sup>47</sup>. Agenda Globalisasi telah mengurangkan kawalan pihak kerajaan terhadap institusi universiti<sup>48</sup> yang menyebabkan kebanyakan IPTA berusaha menjadikan diri mereka seperti kilang yang menghasilkan graduan yang kononnya kompeten untuk kehendak pasaran semasa.<sup>49</sup> Pertukaran matlamat universiti ini adalah seperti mana ditegaskan dalam pendidikan klasik Barat dan Islam iaitu daripada “sebagai sumber untuk pembinaan peradaban, memperkuatkan unsur kemanusiaan melalui pembentukan peribadi dan intelek yang mampu melihat, memahami dan menyesuaikan diri dengan perubahan dan pergolakan masyarakat semasanya”<sup>50</sup> kepada suatu falsafah pendidikan utilitarian ala rasional ekonomi (*economism*) berdasarkan model korporat dunia perdagangan telah mencalarkan peranan universiti sebagai institusi sosial yang memupuk budaya intelektual dan pemikiran yang baru, bebas lagi kritis. Hasilnya, lulusan daripada universiti yang menggunakan falsafah ini akan melahirkan lulusan yang berbentuk *careerist* yang tertumpu hanya kepada soal kerjaya semata-mata dan tidak mempedulikan soal penggunaan daya intelektualnya untuk kesejahteraan masyarakat.<sup>51</sup>

**Kedua**, kelemahan sesetengah pensyarah pengajian syariah untuk memahami dan menerapkan pedagogi pengajaran berdasarkan pendekatan tajdid. Rata-ratanya golongan ini terdiri daripada kelompok tradisionalis/fundamentalis (*paradigma yang mementingkan dimensi telah lalu dan*

<sup>45</sup> Rahimin Affandi Abd Rahim (2001), “ Orientalism dan keutuhan Ummah Islam : Satu Analisis.”, dalam *Jurnal Syariah*, v. 9, bil. 1, 2001, h. 33-46.

<sup>46</sup> Hashim Musa (2004), *Pemerkasaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*, Kuala Lumpur: Penerbit UM, 2004, h. 166-168

<sup>47</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud (1998), *The Educational Philosophy And Practice Of Syed Muhammad Naquib Al-Attas*, Kuala Lumpur, 1998, h. 230.

<sup>48</sup> Hal ini dirujuk kepada (i) pelaksanaan dasar penswastaan dasar pendidikan negara, (ii) pengkorporatan universiti awam dan (iii) penyaluran kemasukan sistem pendidikan antarabangsa melalui program twinning. Lihat Noraini Othman (2000), “ Globalisasi, pendidikan dan modeniti di Malaysia “, dalam *Malaysia Menangani Globalisasi : Peserta atau Mangsa?*, Bangi : Penerbitan UKM, h. 153.

<sup>49</sup> Lihat Muhammad Kamal Hasan (2001), *Intellectual Discourse at the End of the Second Millennium : Concerns of a Muslim-Malay CEO*, Kuala Lumpur :IIUM, h. 66-67.

<sup>50</sup> Lihat Noraini Othman, *Op. Cit*, h.145.

<sup>51</sup> Ibid

*sekarang).*<sup>52</sup> Mereka berpegang kepada pendekatan eksklusif (tertutup) yang tidak mahu menerima pandangan yang berasal daripada luar, lebih-lebih lagi dalam soal keagamaan. Bagi mereka, hanya pandangan kumpulan mereka sahaja yang paling betul dan menafikan hal ini kepada golongan lain, lebih-lebih lagi yang mempunyai kaitan dengan dunia Barat. Secara langsung, mereka mengamalkan *backward looking* di dalam mengemukakan jawapan terhadap permasalahan umat Islam - segala elemen tradisi yang diputuskan oleh ulamak silam yang wajib dipertahankan dan mempersalahkan kesemua elemen pemodenan. Walaupun jumlah golongan ini telah semakin menurun, risikonya mereka bakal menentang usaha tajdid pendidikan yang telah dijalankan di samping mereka juga berusaha mempengaruhi pelajar untuk turut berpegang dengan paradigma yang dipegang oleh mereka.

Lebih khusus lagi, kita dapat mengesan beberapa kelemahan pedagogi yang diamalkan oleh golongan ini, seperti;

- 1) Mereka berusaha menentang samada secara terbuka ataupun tersembunyi sesetengah program tajdid yang dikuatkuasakan oleh pihak UM. Ianya boleh dilihat daripada keengganan mereka mematuhi syarat MQA di dalam pengurusan sistem pengajaran dan dokumentasi subjek yang diajar.
- 2) Mereka masih mengekalkan pendekatan pedagogi pengajaran yang berbentuk teacher oriented dan kurang mengalakkan komentar kritikal daripada pelajar. Akibatnya, golongan ini gagal mengaplikasikan kaedah PBL dan kaedah yang bersifat interaktif di dalam pengajaran.
- 3) Mereka kurang membaca dan enggan mengikuti perkembangan terbaru dari segi teori, kaedah pedagogi dan kandungan ilmu syariah terkini dalam bidang ilmu. Sedangkan kesemua perkara ini sepatutnya dikuasai bagi memantapkan lagi penguasaan dalam bidang pengajian syariah. Lebih teruk lagi, mereka suka menempelak dan mengecap mana-mana pensyarah yang berusaha memperluaskan horizon pemikiran melalui kajian serta pembacaan terhadap teori baru – sebagai golongan yang terpengaruh dengan fahaman liberal. Bagi mereka, semua teori baru dalam bidang syariah, khususnya yang diutarakan oleh sarjana Islam moden terpengaruh secara langsung dengan agenda sekularisme barat. Hal ini amat malang sekali, memandangkan sebahagian besar teori dan metodologi dalam bidang syariah bentuk baru memang amat relevan dengan keperluan ummah semasa. Contohnya, pandangan Muhammad Arkoun (teori pengkudusan karya fiqh silam dan kaedah arkeologi ilmu), Abid al-Jabiri (teori tentang kelemahan pemikiran bayani yang diamalkan oleh fuqaha) dan Fazlur Rahman (teori *double movement* dalam menganalisa ayat Quran dan Sunnah) akan ditolak secara melulu, tanpa terlebih dahulu mengkjinya secara mendalam.
- 4) Mereka terpengaruh dengan perangkap paradigma Taqlid yang menganggap paradigma pengajaran keilmuan Islam harus berasaskan kepada paradigma silam yang tidak boleh berubah. Mereka gagal memahami ilmu usul fiqh dalam paradigma yang lebih bersifat progresif. Paradigma adalah satu set proposisi (rancangan usulan) yang menerangkan bagaimana dunia harus difahami. Ia berisikan sebuah pandangan dunia (world-view), suatu cara untuk memecahkan kerumitan dunia, yang memberitahu seseorang ilmuan tentang apa yang penting, apa yang sah dan apa yang bersesuaian dengan logik. Ilmu Usul fiqh harus difahami menggunakan perspektif paradigma keilmuan ini. Atas dasar ini, ilmu usul al-fiqh ini bukan sebagai ilmu yang statik, tertutup dan telahpun disempurnakan oleh fuqaha silam yang mustahil untuk ditokok tambah oleh fuqaha yang terkemudian. Sebagai suatu disiplin ilmu, ianya perlu sentiasa berkembang mengikut peredaran zaman. Ringkasnya, bersesuaian dengan konsep ilmu itu sendiri, yang boleh diujikaji, dinilai kembali dan diperkemaskan oleh sarjana di dalam zaman yang berbeza, hal yang sama perlu diterapkan kepada disiplin usul al-fiqh ini.<sup>53</sup> Contoh yang mendokong pandangan ini boleh dilihat daripada perbincangan fuqaha silam sendiri, yang bermula dengan teori Amal penduduk Madinah (dibawa oleh Imam Malik), teori Ra'y (dibawa oleh Imam Abu Hanifah), teori Ijtihad-Qiyas (Imam Shafi'I), teori maslahah (dibawa oleh Shatibi) dan banyak lagi teori lain tentang

---

<sup>52</sup> Ibrahim Abu Bakar (1994), Islamic Modernism In Malaya, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, h. 14-16; Abu Bakar Hamzah (1981), Al-Imam: Its Role In Malay Society 1906-1908, Kuala Lumpur, 1981, h. 54-55.

<sup>53</sup> Maklumat lanjut boleh didapati dalam Rahimin Affandi Abd. Rahim (2002), "Epistemologi Hukum Islam : Satu Pengenalan ", dalam *Jurnal Usuluddin*, bil. 15, 2002.

pendekatan di dalam usul al-fiqh yang dikemukakan oleh fuqaha Islam sepanjang zaman.<sup>54</sup> Kesemua teori-teori ini menunjukkan bagaimana fuqaha Islam memahami tentang sifat kesemasaan disiplin usul al-fiqh ini yang mengalakkkan dan mengakui faktur penggunaan daya artikulasi dan intelektualism seseorang fuqaha di dalam menghadapi masalah kehidupan sezaman. Walaupun teori-teori baru di dalam disiplin usul al-fiqh ini sentiasa berkembang, tetapi fungsinya adalah sama iaitu untuk menterjemah wahyu Allah (paradigma tekstual) bagi menjawab persoalan hukum yang timbul di dalam masyarakat (paradigma kontekstual).

- 5) Untuk konteks Malaysia semasa, Mahmood Zuhdi telah cuba mengemukakan pandangan agar kaedah pengajaran ilmu usul fiqh ini diubah semasa di peringkat sekolah menengah dan universiti. Untuk sekolah menengah pelajar patut didedahkan dengan pelbagai konsep dan prinsip ilmu ini, manakala di peringkat universiti pula, pelajar patut diajar ilmu ini secara applied (ilmu usul fiqh gunaan) bagi menanggani pelbagai isu hukum Islam semasa yang timbul di dalam masyarakat. Seandainya hal ini tidak dilakukan, pelajar hanya akan didedahkan dengan sejarah usul fiqh tanpa disertakan dengan kebolehan penyelidikan dan penyelesaian masalah hukum berpandukan ilmu tersebut.

Pada pandangan penulis, idea yang dilontarkan oleh Mahmood Zuhdi ini sedikit sebanyak bertepatan dengan teori perubahan paradigma yang dibawa oleh Thomas Kuhn. Berasaskan teori Thomas Kuhn, seandainya sesuatu ilmu gagal berfungsi dengan baik, ianya akan mencetuskan fenomena anamoli (kegagalan ilmu menyelesaikan masalah) sehingga menyebabkan kerelevan ilmu tersebut dipertikaikan dan ditolak. Bagi mengatasinya, perubahan paradigma perlu dilakukan dan dalam konteks pandangan yang dikemukakan oleh Mahmood Zuhdi, ianya ternyata tepat pada masanya. Maknanya, tidak salah kiranya kita cuba mengaplikasikan apa yang disuarakan oleh beliau.

Kerelevan idea yang dikemukakan oleh Mahmood Zuhdi ini boleh dilihat daripada beberapa kelemahan utama yang dikesan dalam institusi fatwa dan pengajian syariah di Malaysia.<sup>55</sup> Antaranya;

- 1) Mufti dan pegawai Istimbah dikesan telah mengalami masalah ataupun sindrom hanya mengetahui ilmu usul fiqh secara teori semata-mata, tanpa mampu menerapkannya di dalam sesuatu persoalan hukum Islam yang timbul.<sup>56</sup>
- 2) Pedagogi dan bentuk pengajian syariah di IPT Malaysia didapati kurang memberikan perincian tentang kaedah/Manhaj usul Mazhab Shafi'i, yang juga sepatutnya diterapkan secara integrated dalam bentuk aplikasi untuk realiti yang sebenar. Hal ini bakal menyebabkan ilmu usul al-fiqh hanya dijadikan sebagai subjek sejarah hukum Islam (barang mati) semata-mata tanpa dikaitkan dengan realiti sebenar masyarakat.<sup>57</sup>
- 3) Pelajar gagal memperolehi kemahiran ilmu usul al-fiqh secara praktikal yang membolehkan mereka mempergunakannya apabila berhadapan dengan permasalahan hukum Islam yang timbul di dalam masyarakat. Maknanya, pelajar terbabit tidak mampu menggunakan ilmu usul sebagai kaedah penyelidikan hukum Islam seperti yang sepatutnya dimiliki oleh seseorang pelajar di bidang pengajian syariah. Dalam sejarah tradisi pengajian syariah yang diamalkan oleh Madrasah

<sup>54</sup> Akh. Minhaji (2002), “ Persoalan Gender Dalam Perseptif Metodologi Studi H.ukum Islam “, dalam Siti Ruh.aini Dzuh.ayatin(ed.) *Rekonstruksi Metodologis Wacana Kesetaraan Gender Dalam Islam*, Yogyakarta : Pustaka Pelajar Offset, h.. 200-206.

<sup>55</sup> Berasaskan kepada grant penyelidikan tajaan UM (FRGS (FR020/2007A): *Pembaharuan Institusi Pendidikan Tinggi Islam Bagi Menjana Program Pembangunan Modal Insan Di Malaysia*. Dapatkan kajian ini telah diterbitkan dalam Rahimin Affandi Abd Rahim (2008), “ Pembaharuan IPTA Islam Di Malaysia : Satu Analisis Terhadap Teori Dan Cabaran “, *Jurnal Masalah Pendidikan*, v. 31, 2008 dan Rahimin Affandi Abdul Rahim (2008)“ Metodologi Studi Syariah Di Institusi Perguruan Tinggi Negeri Di Malaysia “dalam Mohd Fauzi Hamat (ed.) , *Metodologi Pengkajian Islam : Pengalaman Indonesia-Malaysia*, Gontor : Institut Studi Islam Darussalam, h. 207-218

<sup>56</sup> Ianya berasaskan kepada kajian yang di taja oleh UM (FRGS(FR008/2007A): *Pelaksanaan Syariah Islam Di Malaysia: Kajian Terhadap Infrastruktur Dan Sumber Manusia* . Sebahagian daripada dapatan kajian ini telah diterbitkan dalam Rahimin Affandi Abd Rahim (2009), *Ijtihad Dalam Institusi Fatwa Di Malaysia : Satu Analisis*, , *Jurnal Syariah*, v. 17, 2009.

<sup>57</sup> Hal ini telah ditegaskan oleh Mahmuud Zuhdi Abd Majid dalam *Bengkel Kaedah Pengajaran Ilmu Usul Al-Fiqh*, pada 16hb. Jun 2005, bertempat di Balai Ilmu, APIUM.

Nizamiyyah, pengajaran ilmu usul al-fiqh telah mampu melahirkan graduan yang kompeten dalam profesion perundangan Islam, seperti mufti dan Qadi.<sup>58</sup>

### Kesimpulan

Sebagai rumusan akhir, dapat disimpulkan bahawa program tajdid IPTA aliran Islam di Malaysia boleh dianggap telah mencapai momentum yang agak baik, khususnya sejak timbulnya kesedaran kebangkitan semula Islam pada tahun 1970-1990an. Hal ini adalah kerana **pertama**; usaha pembaharuan (tajdid) IPTA aliran Islam di Malaysia terutamanya dalam pengajian syariah memang telah mencapai tahap yang boleh dibanggakan kerana ianya mendapat sokongan penuh daripada pihak kerajaan sendiri yang menerima pakai semua cadangan yang dituntut oleh tokoh pendidikan Islam. **Kedua**; berasaskan kepada pengalaman APIUM, ternyata usaha membangunkan metodologi pengajian syariah agar bersesuaian dengan realiti dan kehendak serta keperluan masyarakat semasa, sememangnya telah dijalankan secara berperancangan rapi; membabitkan perubahan pedagogi pengajaran, struktur subjek, pemerkasaan kepada penyelidikan, latihan industri dan penilaian yang berterusan. **Ketiga**; berdasarkan pengamatan program tajdid pendidikan tinggi Islam seperti mana dijalankan oleh APIUM dilihat akan terpaksa berhadapan dengan tiga cabaran utama; golongan tradisionalis-fundamentalis, sekularis dan fenomena globalisasi moden. Oleh yang demikian, hal ini harus diberi perhatian oleh pengamal IPTA Islam semasa dengan memikirkan jalan ataupun alternatif proaktif untuk memperkasakan lagi program pengajian syariah ini serta memenuhi keperluan masyarakat semasa.

---

<sup>58</sup> M. Akmansyah (2004), “ Madrasah Nizhamiyah “, dalam H. Abuddin Nata(ed.) *Sejarah Pendidikan Islam : Pada Periode Klasik Dan Pertengahan*, Jakarta : PT RajaGrafindo Persada, h. 62-66.